

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 May 2015

BR1M satu langkah ekonomi, bukan rasuah – PM

UM - 13/5/2015

KUALA LUMPUR 17 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, hari ini mengulangi bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M adalah satu langkah ekonomi dan bukannya rasuah.

Tegasnya, BR1M adalah satu jaringan keselamatan sosial yang disyorkan oleh Jawatankuasa Fiskal Negara terdiri daripada pegawai-pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU), Bank Negara dan Kementerian Kewangan yang kebanyakannya adalah pakar ekonomi, bukannya ahli politik.

“Ingin saya ingatkan, BR1M diberikan kepada semua tanpa mengira kecenderungan politik individu berkenaan. BR1M diberikan tanpa mengira bilakah pilihan raya akan diadakan.

“Nurani saya jelas, BR1M adalah langkah ekonomi, bukannya rasuah,” kata Perdana Menteri dalam catatan terbarunya di blog *NajibRazak.com* sebagai menjawab tuduhan bahawa BR1M adalah rasuah.

Najib berkata, ada segelintir ahli politik yang membangkitkan bahawa biarpun adanya BR1M, tetapi rakyat ‘tidak bersyukur.’

“Ini adalah sebabnya mereka percaya ia rasuah dan tidak berada dalam laman yang sama dengan Jawatankuasa Fiskal. Kita meli-

hatnya sebagai satu langkah ekonomi, tetapi ahli-ahli politik melihatnya semata-mata dalam konteks politik,” katanya.

Malah, kata Najib, jaringan keselamatan sosial seumpamanya itu turut dilaksanakan di banyak negara-negara lain, termasuk ada yang menggelarnya ‘manfaat pengangguran’ yang menyasarkan kumpulan penganggur.

Sebaliknya BR1M menyasarkan kumpulan berpendapatan rendah dan kedua-duanya pada dasarnya, adalah satu bentuk elaun keselamatan sosial kerana menyasarkan kumpulan yang memerlukan.

“Kita berhasrat untuk mension-alisasikan subsidi menyeluruh yang menyasarkan golongan yang memerlukan. Semua orang (termasuk yang kaya dan warga asing) mendapat manfaat daripada subsidi menyeluruh ini.

“Dengan menghapuskan subsidi menyeluruh, kita menjana penjimatan yang kemudiannya disalurkan kepada mereka dalam kumpulan berpendapatan rendah. Dai, kita akan dapat memberi kumpulan yang layak ini lebih daripada apa yang mereka akan terima daripada skim subsidi menyeluruh,” kata Naib.

Oleh itu, tegas Perdana Menteri, BR1M perlu dilihat dalam konteks

subsidi bersasar dan Jawatankuasa Fiskal percaya ia dapat mengurangkan ketirisan selain meningkatkan kecekapan mekanisme subsidi.

BR1M turut memenuhi keperluan mereka yang memerlukan bagi sebarang perbelanjaan tambahan yang mungkin ditanggung berikutan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Menurut Perdana Menteri, setengah pihak mendakwa bahawa GST adalah cukai regresif kerana setiap orang termasuk golongan miskin adalah tertakluk kepadanya.

Bagaimanapun, derigan adanya BR1M, GST bukanlah regresif kerana kumpulan berpendapatan rendah ini menerima ganti rugi.

Malahan, sebahagian besar hasil GST akan dibelanjakan untuk komuniti tersebut.

“Orang selalu berkata, berikan seseorang itu seekor ikan dan kamu hanya memberinya makan untuk sehari. Ajarlah dia untuk memancing, maka kamu mengajarnya untuk makan sepanjang hayatnya. Namun, dalam dunia realiti, kita perlu melakukan kedua-duanya.

“Memberi bantuan kepada yang memerlukan dan pada masa sama, membuat pelaburan dalam pendidikan, peningkatan kemahiran dan produktiviti,” kata Najib. - BERNAMA